

09 JUN 1999

MAHATHIR-TERBELA

MAHATHIR RASA TERBELA OLEH PEMULIHAN EKONOMI

Oleh: Muammar Kamaruddin dan Wan Nurzila Rahman

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau merasa terbela kerana sekarang kawalan modal yang dikecam hebat kini mula menunjukkan hasil positif dalam mewujudkan kestabilan kewangan dan memberikan ruang bernafas bagi Malaysia untuk menarik dirinya keluar dari kemelesetan.

"Memang mustahil tidak merasa terbela apabila penghujahan kita yang bercanggah dengan pendirian umum nampaknya telah berhasil dan semua orang mengakui bahawa ia berhasil," katanya dalam satu wawancara ringkas dengan wartawan perniagaan Martin Soong yang disiarkan melalui CNBC hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian bagi menjawab pendapat bahawa semakin ramai yang bersetuju bahawa kawalan modal yang diperkenalkan oleh Malaysia September lalu kini berhasil seperti yang terbukti melalui pemulihan ekonomi dan sama ada beliau merasa terbela berikutan itu.

Bagaimanapun, beliau menekankan bahawa "kecuali struktur kewangan antarabangsa dipinda bagi menghalang serangan besar-besaran sedemikian ke atas negara-negara membangun, kami tidak akan dapat menarik balik kawalan ke atas matawang kami."

"Jadi, saya fikir sistem kewangan antarabangsa mesti diubah kerana bukan kami sahaja yang terjejas," katanya apabila ditanya sama ada kawalan-kawalan yang dikenakan merupakan langkah sementara untuk mencapai kestabilan kewangan.

"Kami telah berjaya menghadapinya, tetapi banyak negara lain terpaksa mengharungi serangan begini berulang kali. Sesetengah negara telah diserang dua atau tiga kali, dan ini tidak baik bagi ekonomi dunia," kata Dr Mahathir.

Menyentuh tentang sama ada akan wujud situasi di mana beliau sanggup mengetepikan gesaan supaya diadakan struktur kewangan antarabangsa dan menukarkannya dengan pentadbiran korporat yang lebih baik yang nampaknya mahu dikemukakan oleh pihak Barat, beliau berkata:

"Bukan pentadbiran korporat yang menjadi masalah, negara-negara ini diperintah oleh kerajaan yang sama, mengamalkan dasar-dasar yang sama selama ini dan negara-negara ini membangun dengan baik.

"Saya tidak menafikan adanya penyalahgunaan, tetapi ini tidak menghalang mereka daripada membangun dengan pesat sehinggakan mereka dikenali sebagai harimau Asia," katanya.

"Apa sebenarnya yang diperlukan ialah perubahan apa yang dipanggil struktur kewangan antarabangsa, tidak ada tukar ganti, ia perlu dilakukan," katanya.

Dr Mahathir sentiasa menyeru supaya operasi dana lindung nilai yang dan merosakkan dibendung.

Mengenai setakat manakah beliau yakin bahawa soal kawalan ke atas spekulator matawang akan dimasukkan ke dalam struktur kewangan itu, beliau berkata:

"Saya rasa mereka akan insaf, mereka insaf apabila dana lindung nilai Pengurusan Kredit Jangka Panjang (LCTM) musnah dan Rusia menghadapi masalah ekonomi."

LTCM, dana lindung nilai yang berpangkalan di New York, gagal selepas mengalami kerugian besar dalam pelaburan berisiko tinggi hingga memaksa Rizab Persekutuan mengadakan usaha menyelamatkan oleh 14 institusi kewangan yang melibatkan wang berjumlah AS\$3.5 bilion.

"Mereka akan insaf bahawa walaupun mereka kaya, mereka tidak boleh

menjual barangan mereka kepada orang miskin, kerana mereka telah menjadikan orang lain di dunia ini miskin," tegas Dr Mahathir, terang-terangan merujuk kepada ekonomi-ekonomi membangun Asia Timur yang pada satu ketika dahulu makmur tetapi kini dimusnahkan oleh spekulator matawang yang tidak bertanggungjawab dan dana lindung nilai.

Menjawab soalan sama ada Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin boleh menyelamatkan ekonomi Malaysia sekali lagi setelah berbuat demikian semasa kemelesetan dalam tahun-tahun 80-an, beliau berkata:

"Saya benar-benar yakin (terhadap Daim), setakat ini beliau telah menunjukkan prestasi cemerlang dan sekurang-kurangnya, sebahagian daripada dasar-dasar yang ada telah dirumuskan bersama beliau."

Tentang sama ada Malaysia dapat keluar daripada kemelesetan dalam suku kedua tahun ini, Dr Mahathir berkata "ramai berpendapat kami akan mencapai pertumbuhan lebih tinggi daripada yang telah diunjurkan."

"Kami telah mengunjurkan pertumbuhan satu peratus bagi tahun ini tetapi ramai orang lain mengunjurkan pertumbuhan sehingga tiga peratus dan mereka mungkin betul.

"Memanglah, angka-angka itu amat baik dan kami rasa untuk mencapai satu peratus tidak menjadi masalah," katanya.

-- BERNAMA
MK WN KY MA